

TEKS UCAPTAMA DAN PERASMIAN

YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN BAGI PROJEK "MAINTENANCE, REPAIR & OVERHAUL (MRO) TREN SCS CLASS 92" & DAN PERJANJIAN KOLABORASI DI ANTARA M RAIL TECHNICS BERSAMA UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UniKL)

PADA

10 DISEMBER 2024

2.30 PETANG HINGGA 5.00 PETANG
M RAIL TECHNICS SDN BHD
DEPOH EMU SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Terima kasih Pengacara Majlis sebentar tadi,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA MADANI.

1. Pengangkutan rel memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Sejarah telah membuktikan bahawa negara yang memiliki sistem rel yang maju sering muncul sebagai kuasa ekonomi global.

2. Di Malaysia, infrastruktur rel bukan sekadar mod pengangkutan, tetapi satu ekosistem penting yang menghubungkan jarak dan pertemuan, mencipta peluang ekonomi, dan merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar.

3. Tetapi memiliki infrastruktur rel yang baik sahaja tidak mencukupi jika ia tidak diselenggara dengan sempurna. Tanpa penyelenggaraan yang berterusan, infrastruktur akan menjadi uzur, usang, dan kehilangan nilai asalnya.

4. Justeru, **Majlis Penyerahan Projek Maintenance, Repair & Overhaul (MRO) Tren SCS Class 92** adalah sangat signifikan dalam memastikan kelangsungan dan kemajuan industri rel negara.

5. Usaha memperkukuh sektor MRO ini amat penting, kerana bagi memastikan infrastruktur rel kekal beroperasi dengan baik dan tahan lama - ia memerlukan ekosistem MRO yang kukuh. Ekosistem ini tidak hanya menyokong penyelenggaraan, tetapi juga memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pengangkutan rel serantau yang berdaya saing.

Pembangunan Industri MRO: Kunci Keberhasilan Sektor Rel Negara

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Industri MRO ini adalah tulang belakang kepada keberkesanan pengangkutan moden, sama ada di darat, laut mahupun udara. MRO memastikan keselamatan dan kecekapan pengangkutan, selain memanjangkan jangka hayat infrastruktur.

7. Di Malaysia, kita telah mengenal pasti bahawa sektor MRO **mempunyai potensi besar bukan sahaja untuk menjana pendapatan negara tetapi juga untuk memperkukuhkan**

kedudukan kita sebagai pemain utama di peringkat serantau.

8. Dalam sektor penerbangan contohnya, pasaran MRO global kini berkembang pesat. Pada tahun 2022, nilainya adalah sebanyak **RM 221.89 bilion** dan dijangka terus melonjak melebihi **RM 268.65 billion pada 2029.**

9. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan jumlah pesawat di seluruh dunia, terutamanya di rantau Asia Pasifik yang diramalkan akan memegang lebih **20% daripada pasaran global**. Malaysia, dengan kedudukan strategiknya, berpeluang

untuk menjadi pusat perkhidmatan MRO utama bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat ini.

10. Jika kita lihat dari sudut ini, Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan luar biasa SMH Rail - syarikat tempatan terbesar dalam pengeluaran dan penyedia perkhidmatan penyelenggaraan pembaikan dan baik pulih (MRO) yang kini turut memberikan penyelesaian kejuruteraan kereta api kepada lebih 20 negara.

11. Jadi, tidak salah untuk saya katakan yang kita perlu memperkukuhkan asas industri MRO di negara ini. InsyaAllah,

dengan membina infrastruktur moden yang mampu memenuhi peningkatan permintaan, tidak mustahil Malaysia akan muncul sebagai hab MRO serantau yang unggul tidak lama lagi.

Pengangkutan Rel: Penyelesaian Mampan untuk Kesesakan Lalu Lintas dan Keselamatan Jalan Raya

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Di samping itu, Kerajaan juga **memberi tumpuan kepada pengembangan sistem pengangkutan rel di seluruh negara.** Pelaburan strategik dalam

projek-projek seperti MRT, LRT, RTS Link, dan ECRL adalah selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menjadikan pengangkutan rel sebagai mod pengangkutan utama, dengan **sasaran mencapai 40% penggunaan pengangkutan awam menjelang tahun 2030.**

13. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Kesesakan Lalu Lintas dan Keselamatan Jalan Raya – hasrat saya adalah untuk melihat Malaysia berada di **landasan tepat untuk menjadi peneraju pengangkutan rel serantau dan global.**

14. Saya mahu **pengangkutan rel menjadi penyelesaian mampan bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan meningkatkan keselamatan pengguna.** Pengangkutan rel menawarkan ketepatan masa yang tinggi kerana operasinya tidak terjejas oleh kesesakan lalu lintas seperti pengangkutan jalan raya. Lebih penting lagi, risiko kemalangan dalam sistem rel adalah jauh lebih rendah, menjadikannya pilihan yang lebih selamat untuk pengguna.

15. Tambahan pula, pengangkutan rel merupakan penyelesaian mesra alam yang menyokong agenda Sustainable

Development Goals (SDG). Dengan pelepasan karbon yang lebih rendah, pengurangan pencemaran udara, dan penjimatan tenaga - sektor ini berperanan penting dalam mewujudkan sebuah negara yang lebih lestari, sambil memberikan manfaat besar kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Melahirkan Tenaga Pakar untuk Memacu Kecemerlangan Industri Rel

Hadirin yang dihormati,

16. Setelah berjaya mewujudkan ekosistem rel yang kukuh dan memperkukuh sistem MRO, langkah seterusnya yang

penting adalah **pelaburan dalam pembangunan modal insan.** Malaysia perlu memastikan industri rel dapat disokong dengan secara menyeluruh melalui penyediaan program latihan dan pembangunan kemahiran yang relevan, terutama dalam bidang teknologi dan kejuruteraan rel.

17. Inisiatif ini akan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi atau **TVET experts** yang bukan sahaja mampu memenuhi keperluan teknikal industri rel, tetapi juga berperanan sebagai pemacu utama dalam menjayakan kecemerlangan sektor ini.

18. Sebagai contoh, dalam sektor penerbangan, kita bangga dengan kejayaan Norazian binti Mohd Sobri, seorang hafizah dan lepasan Madrasah Hasanah serta UniKL MIAT, yang kini berjaya sebagai jurutera penerbangan di Thales Singapura. Saya mahu kita melahir lebih ramai graduan seperti Norazian, yang cemerlang dalam industri rel pula.

19. Tambahan itu, kerjasama antara semua pihak berkepentingan amat penting dalam usaha ini. Melalui **Majlis TVET Negara (MTVET)**, sebanyak 69 Memorandum Kolaborasi (MoC) telah ditandatangani antara kerajaan dan

industri, yang memperkukuh transformasi dan penyelarasan sistem TVET secara keseluruhan – dan saya mahu kerjasama di dalam industri rel turut diperluas.

20. Melalui langkah-langkah ini, kita bukan sahaja menyediakan tenaga kerja yang mahir, tetapi turut memperkasa industri rel untuk berkembang lebih maju. Program-program latihan TVET ini akan memastikan ruang pekerjaan yang ada di dalam industri rel - dari pengoperasian harian hingga ke penyelenggaraan dan inovasi teknologi - semua dapat dipenuhi dengan tenaga kerja tempatan yang berkebolehan, berdaya saing dan

berkemahiran tinggi.

Penutup

Hadirin yang dihormati,

21. Hari ini, kita menyaksikan potensi besar **Industri Rel Negara** yang bukan sahaja mampu memacu pembangunan domestik, tetapi juga bersaing di peringkat global.

22. **InsyaAllah kolaborasi strategik seperti antara RAILTEC dan UniKL** hari ini akan melahirkan generasi tenaga kerja berkemahiran tinggi seterusnya menjadi pemacu kejayaan **Industri Rel**

Negara sebagai simbol baru kemajuan dan kemakmuran Malaysia.

Terima kasih. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.